

Terdebak kahwin takut gelaran anak dara tua

Kuala Lumpur: Perkahwinan atas dasar 'trend', antara punca berlaku perceraian paling tinggi di negara ini.

Takut digelar anak dara tua dan disisihkan daripada kalanngan rakan yang sudah mendirikan rumah tangga, menyebabkan ramai yang tidak berfikir panjang ketika memilih untuk berkahwin.

Pakar sosial yang juga Timbalan Naib Canselor Universiti Putra Malaysia (UPM), Profesor Dr Mohammad Shatar Sabran, berkata tindakan itu akhirnya menyebabkan mereka tidak begitu mengenali pasangan yang dikahwini.

Lebih memburukkan keadaan, katanya, mereka juga tidak memahami tanggungjawab dan fungsi sebenar perkahwinan.

Jahil erti pernikahan

"Apabila pasangan itu tidak memahami erti pernikahan dan tanggungjawab yang perlu dipikul dalam memastikan kelangsungan rumah tangga, mereka akan mudah mengaku kalah apabila ditimpa ujian.

"Sekiranya ingin mendirikan rumah tangga, fahami tanggungjawab dan peranan dalam perkahwinan. Pastikan kita benar-benar bersedia dan bukan kerana tekanan rakan sebaya," katanya.

Mohammad Shatar berkata, perkahwinan seharusnya didasari dengan niat ibadat bagi mencari keredaan Allah.

Katanya, rumah tangga yang dibina atas dasar ketakwaan dan tanggungjawab, akan mampu bertahan apabila dilanda kesusahan dan pengaruh orang ketiga.